



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 akan dikeluarkan pada **16 Jun 2022 (Khamis)**.

Calon sekolah boleh mendapatkan keputusan peperiksaan SPM daripada sekolah masing-masing mulai **pukul 10.00 pagi** pada 16 Jun 2022. Bagi calon persendirian, slip keputusan peperiksaan SPM akan dihantar melalui pos pada 16 Jun 2022.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM 2021 mulai **pukul 10.00 pagi** pada 16 Jun 2022 sehingga pukul 6.00 petang pada 24 Jun 2022; dan/atau
- ii. **secara sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan rumusan keputusan peperiksaan SPM 2021 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan hantar ke 15888. Sistem ini akan diaktifkan mulai **pukul 10.00 pagi** pada 16 Jun 2022 sehingga pukul 6.00 petang pada 22 Jun 2022.

KPM sentiasa komited untuk terus melaksanakan yang terbaik.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
7 JUN 2022